

20 JUL 2000

Al-Ma'unah-Ngo

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN DI JOHOR SOKONG LANGKAH TANGANI KEGANASAN

JOHOR BAHRU, 20 Julai (Bernama) -- Pelbagai pertubuhan dan persatuan di Johor menyokong tindakan kerajaan menangani sebarang bentuk keganasan yang boleh menjejaskan perpaduan kaum dan keamanan di negara ini.

Yang Dipertua Persatuan Bekas Tentera Malaysia Johor, Md Noh Atan hari ini berkata, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa perlu ingat bahawa sebarang bentuk keganasan atau pemberontakan tidak akan mendatangkan keuntungan kepada sesiapa.

Sebaliknya, musuh-musuh negara akan menggunakan kesempatan itu untuk menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan rakyat, katanya ketika diminta mengulas kegiatan Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) yang cuba mencetuskan huru-hara di negara ini.

Pendedahan itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam rancangan Wawancara Khas yang disiarkan melalui saluran televisyen tempatan, malam tadi.

Md Noh berharap kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan kumpulan-kumpulan yang mahu menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat supaya kegiatan itu dapat dibendung di peringkat awal.

Beliau juga mencadangkan agar Skim Rukun Tetangga (SRT) dapat digerakkan semula secara aktif di semua kawasan perumahan sebagai langkah mengesan aktiviti tidak sihat yang boleh mencetuskan keadaan huru-hara.

Setiausaha Persatuan Peniaga dan Pengusaha Industri Kecil Melayu Johor, Yahaya Yem pula menyifatkan tindakan kerajaan itu sebagai tepat bagi memelihara kesejahteraan rakyatnya.

"Sebagai golongan peniaga sudah tentunya mahukan suasana aman dan tenteram bagi membolehkan perniagaan berjalan lancar. Jika keadaan kucar-kacir, sudah tentu akan memberikan tekanan kepada peniaga-peniaga khususnya peniaga kecil," katanya.

Jurucakap Persatuan Pengusaha Lori Johor-Singapura, Khoo Ah Loi juga menyokong pandangan itu sambil berpendapat bahawa kumpulan itu tidak mempunyai pendirian dan kurang ilmu mengenai sesuatu isu sehingga menyebabkan mereka hilang pertimbangan.

"Pada pandangan saya mereka ini (Al-Ma'unah) tidak berpuashati dengan kerajaan. Oleh itu mereka cuba memberontak dengan melakukan perkara yang negatif," katanya.

Beliau juga berharap supaya suasana di negara ini sentiasa aman dan damai bagi membolehkan para peniaga menjalankan perniagaan dengan selesa.

Ketua Unit Daging Persatuan Penternak Ayam Johor, Wang Guan Chiw pula berharap kestabilan negara akan terus terjamin agar mereka dapat menjalankan perniagaan tanpa gangguan.

-- BERNAMA

BH PR